



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR

KURSUS	:	E-DAGANG
KOD KURSUS	:	DPB 3373
PEPERIKSAAN	:	APRIL 2015
MASA	:	2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (80 Markah)

2. Jawab **SEMUA** soalan dari BAHAGIAN A dan BAHAGIAN B.
 - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Objektif.
 - ii. Jawab BAHAGIAN B di dalam Buku Jawapan.
 - iii. Mula menjawab setiap jawapan di mukasurat baru.

3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Borang Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 8 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi DUA PULUH(20) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Borang Jawapan Objektif.

1. Yang manakah berikut **BUKAN** kebaikan e-dagang kepada organisasi?
 - A. Menambahkan masa antara penerimaan tempahan secara online dengan penerimaan produk
 - B. Menambahkan jumlah pelanggan dengan kos yang minimum
 - C. Mengurangkan kos membuat, memproses, mengedar, dan mendapatkan maklumat.
 - D. Mengurangkan inventori fizikal

2. Yang manakah berikut adalah jenis perdagangan campuran antara perdagangan elektronik dengan perdagangan tradisional?
 - A. Pembelian atau penjualan kereta melalui Internet
 - B. Perbankan *online*
 - C. Penjualan perisian *online*
 - D. Hanya A dan B

3. Speedy Car Enterprise membenarkan pelanggannya merekabentuk kenderaanya mengikut citarasa masing-masing. Ini adalah contoh model perniagaan E-Commerce dari jenis _____
 - A. *find the best price*
 - B. *group purchasing*
 - C. *affiliate marketing*
 - D. *product and service customization*

4. "Reintermediation" berlaku apabila
 - A. Kuasa pengantara (*intermediary*) sedia ada bertambah
 - B. Interaksi secara langsung antara penjual dan pembeli menggantikan peranan pengantara
 - C. Pengguna baru dicari untuk memantapkan produk
 - D. Jenis pengantara (*intermediary*) yang baru muncul

5. Transaksi dan aktiviti *EC* yang dilaksanakan tanpa wayar ialah _____
- A. *Location commerce*
 - B. *Collabrative commerce*
 - C. *Mobile commerce*
 - D. *Exchange to exchange*
6. Yang manakah berikut **BUKAN** komponen penting yang menyokong aplikasi *EC*?
- A. Rakan perniagaan
 - B. Polisi umum
 - C. Manusia
 - D. Servis
7. Contoh perkhidmatan yang ditawarkan melalui agensi pelancongan elektronik tetapi tidak melalui agensi tradisional ialah
- A. Berita berkenaan perkhidmatan pelancongan dan tawaran istimewa
 - B. Peluang untuk berbincang berkaitan pengalaman melancong dengan pelancong yang telah melawat atau penduduk di kawasan yang hendak dilawati
 - C. Maklumat bercetak berkenaan kawasan yang diminati
 - D. Bahan promosi dari penyedia perkhidmatan pelancongan
8. Interstitials merupakan cara pengiklanan _____
- A. Iklan pada permulaan laman web atau sebahagian laman web yang digunakan untuk menarik perhatian pengguna dalam masa yang singkat semasa pengguna *loading* sesuatu dari internet
 - B. Iklan yang muncul pada browser window terkini, dan apabila pengguna menutup *active window*, iklan tersebut dapat dilihat.
 - C. Perjanjian antara dua organisasi untuk masing-masing memaparkan banner didalam laman web.
 - D. Grafik yang terdapat dalam laman web yang ada pautan ke laman web pengiklanan

9. _____ melibatkan pembelian antara pembeli dan pembekal yang dibuat untuk jangka masa panjang.
- A. *Sport sourcing*
 - B. *Strategic sourcing*
 - C. *Vertical sourcing*
 - D. *Horizontal sourcing*
10. Kepercayaan (*trust*) adalah penting dalam e-dagang yang kekurangan interaksi antara pelanggan dan peniaga. Peniaga boleh menambahkan tahap kepercayaan pelanggan dengan cara berikut KECUALI _____
- A. Pengiktirafan jenama (*brand recognition*)
 - B. Mekanisma keselamatan (*security mechanisms*)
 - C. Pengurangan harga (*Price reduction*)
 - D. Ketelusan dalam perniagaan
11. Model perniagaan yang mana mengenakan yuran tahunan atau bulanan untuk perkhidmatan yang diberi dikenali sebagai _____
- A. *Transaction fee model*
 - B. *Sponsorship model*
 - C. *Subscription model*
 - D. *Advertising supported model*
12. Penghantaran secara elektronik bagi suratkhobar, majalah, buku, video, muzik, dan maklumat digital yang lain menerusi Internet dipanggil
- A. *Information delivery service*
 - B. *Online publishing*
 - C. *Infomediary service*
 - D. *Electronic Delivery Service*

13. Extranet adalah
- A. Rangkaian di luar sesuatu organisasi
 - B. Rangkaian maya
 - C. Rangkaian tambahan di luar LAN
 - D. Rangkaian yang menghubungkan intranet dengan rakan kongsi perniagaan
14. IBM menghasilkan banyak patennya sendiri untuk jualan melalui laman web dan menjemput pesaing-pesaingnya untuk menyertai pertukaran atau berniaga antara satu sama lain. Ini adalah contoh _____
- A. *Buy-side model*
 - B. *Exchange*
 - C. *Sell-side model*
 - D. *Collaborative commerce*
15. Yang manakah antara berikut **BUKAN** kaedah pembayaran
- A. *Credit Card*
 - B. *Debit Card*
 - C. *E-check*
 - D. *E-procurement*
16. Yang manakah antara berikut **TIDAK BENAR** berkaitan faedah *mobile-commerce*?
- A. *Ubiquity*
 - B. *Personalization*
 - C. *Localization of products and services*
 - D. *Virus free*
17. Yang manakah antara berikut **BUKAN** komponen penting yang menyokong aplikasi EC?
- A. *Public policy*
 - B. *Automation of mechanical processes*
 - C. *Business partnership*
 - D. *People*

18. Eddy membeli gambar digital dan clipart dari laman web yang berharga RM2.00. Ini adalah contoh _____
- A. E-cek
 - B. E-Wallet
 - C. EIPP
 - D. E-Micropayment
19. Pihak yang terlibat dalam *electronic* dan *smart card* adalah
- i. *Merchant*
 - ii. *Card association*
 - iii. *Consent*
 - iv. *Cardholder*
- A. i,ii and iii
 - B. ii,ii and iv
 - C. i,ii,and iv
 - D. semua di atas
20. Handphone keluaran terkini membenarkan pengguna membuat pembelian dengan *single click*. Teknologi yang digunakan dalam aplikasi ini dikenali sebagai
- A. *Smart card*
 - B. *M-wallet*
 - C. *Voice partal*
 - D. *Micropayment*

(20 markah)

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **EMPAT(4)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan didalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a) Berikan **TIGA (3)** dimensi perniagaan e-dagang dan terangkan setiap satu. (6 markah)
- b) Terangkan **EMPAT (4)** jenis model perniagaan e-dagang (8 markah)
- c) Berikan **TIGA (3)** fungsi "*market*" (3 markah)
- d) Terangkan **TIGA (3)** peranan "*intermediaries*" (3 markah)

SOALAN 2

- a) Jelaskan istilah berikut beserta contoh:
- i- E-dagang
 - ii- E-perniagaan
- (4 markah)
- b) Bincangkan secara ringkas beserta gambar rajah perbezaan antara transaksi ***buy-side*** dan ***sell-side*** (6 markah)
- c) Berikan maksud E-government dan jelaskan **DUA (2)** kategori E-government. (6 markah)
- d) Jelaskan **DUA (2)** jenis model transaksi B2B (4 markah)

SOALAN 3

- a) Terangkan **DUA (2)** kebaikan *Travel & Tourism Service Online*.
(4 markah)
- b) Berikan **EMPAT (4)** pihak yang terlibat dalam pembayaran elektronik (*e-payment*).
(4 markah)
- c) Penyulitan (*Encryption*) memastikan kerahsiaan dan privasi sesuatu mesej. Jelaskan **EMPAT (4)** bahagian penyulitan (*encryption*).
(8 markah)
- d) Terangkan secara ringkas **DUA (2)** jenis kad pembayaran (*payment card*)
(4 markah)

SOALAN 4

- a) Berikan definisi *Smart Card* beserta **DUA (2)** jenis *Smart Card*
(6 markah)
- b) Terangkan **TIGA (3)** faktor pendorong yang mengalakkan perkembangan *M-Commerce*.
(6 markah)
- c) Terangkan **DUA(2)** jenis *cyber crime*.
(4 markah)
- d) Berikan perbezaan antara *hacker* dan *cracker*
(4 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

